

29/07/2001

Sabbaruddin kini berniaga

Jamhariah Jaafar

SESUSUK tubuh kecil dalam keadaan termanggu berjalan-jalan di sekitar Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Wajah yang cukup dikenali itu amat berbeza daripada biasa, secara tidak langsung menyelinap perasaan kasihan di dalam hati.

Tidak sampai hati untuk bertanya soalan peribadi, justeru bibir sekadar bertanya khabar. Peristiwa itu sudah hampir dua tahun berlalu.

Pertemuan baru-baru ini, menyaksikan susuk tubuh kecil itu kembali berisi dan cergas, penampilan juga kembali ceria. Detik hati, sudah tiba masanya untuk duduk bersebang.

"Betul, dalam tempoh tiga empat bulan pertama saya rasa benar-benar hilang. Rasa tidak guna sangat, tertanya-tanya apa kesalahan yang saya lakukan. Rasanya kita tidak adalah kesilapan besar.

"Kalau kata tak `perform' tak juga. Orang yang ganti kita bagus sangat ke, kita terpaksa diganti ke... semua persoalan itu bercampur baur.

"Tapi akhirnya saya sedar, tidak ada sesuatu yang kekal. Sampai waktunya mesti berhenti. Jadi, soal berhenti ini tidak kira sama ada awak bagus atau tidak, tapi apabila sudah tiba masanya kita kena berhenti... maka kita kena berhenti," katanya.

Siapa tidak kenal Tan Sri Sabbaruddin Chik, walaupun kecil tapi tegas dalam menangani pelbagai masalah sehingga diberi kepercayaan untuk berada dalam kabinet selama 12 tahun dan berjaya meletak nama Malaysia dalam peta pelancongan dunia dengan pengenalan konsep Tahun Melawat Malaysia (TMM) pada 1990.

Tetapi pemberhentiannya secara tiba-tiba bagi semua jawatan utama dalam kabinet dan parti, menimbulkan banyak persoalan dan ramai membuat spekulasi ia berkait rapat dengan penyakit buah pinggang yang dialaminya.

Bagaimanapun, Sabbaruddin sendiri tidak dapat memberi jawapan tepat mengenai alasan sebenarnya beliau diminta meletak jawatan.

"Barangkali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya saya benar-benar sakit... saya tidak tahu. Sakit buah pinggang adalah disebabkan ia tidak berfungsi dengan baik, tetapi ramai orang lain turut mengalaminya.

"Ada seorang hakim mahkamah tinggi turut mengalami penyakit ini, doktor, peguam tetapi mereka semua masih menjalankan tugas masing-masing.

"Dari segi kerja saya tidak ada masalah, sebab kalau tidak buat dialisis (setiap hari) pun akan ada orang mati kerana dari segi mati tidak kira apa penyakitnya kalau dah sampai ajal kita tetap akan mati.

"Dr Mahathir mungkin fikir saya tidak sihat, jadi mungkin itu adalah sebab utama. Saya sendiri tidak pernah rasa terkilan, cuma kalau sakit jantung dibedah dulu dan kalau sakit buah pinggang diganti dulu," katanya.

Sabbaruddin mengalami penyakit buah pinggang dan perlu menjalani dialisis setiap hari pada Disember 1998 dan melakukan pembedahan pemindahan buah pinggang setahun selepas itu.

Dalam pada negara mengalami kemelut politik yang serius berikutan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau adalah antara dua menteri yang terbabit dalam rombakan kecil kabinet pada Mei, 1999, yang bertujuan mengukuhkan semula kedudukan pemerintahan Barisan Nasional (BN).

Beliau diumumkan meletak jawatan sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, serta diganti oleh Datuk Kadir Sheikh Fadzil.

Seorang lagi menteri yang terbabit dalam rombakan berkenaan ialah Datuk Mohamed Rahmat, yang diganti oleh Tan Sri Khalil Yaakob, yang turut

mengambilalih jawatan Setiausaha Agung Umno yang ketika itu dipegang Sabbaruddin.

Dalam perkembangan politik yang memeranjatkan itu, orang yang menerima tamparan itu akan lebih terperanjat dan perkataan termangu-mangu mungkin adalah yang paling sesuai untuk digunakan bagi kejutan itu.

"Seperti saya kata tadi, awalnya saya juga tertanya-tanya... rasanya tidak berguna sangat. Dua tiga bulan saya rasa susah, bukan sebab apa cuma bila berhenti tidak ada apa hendak buat, duduk saja di rumah... lagilah rasa tidak berguna.

"Tetapi selepas itu, saya mula menyesuaikan diri. Malahan, saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya selama 20 tahun untuk memegang pelbagai jawatan termasuk 12 tahun sebagai menteri.

"Cuma bila tiba masanya anda perlu meletak jawatan, (memang tidak ada pilihan) anda kenalah mengundur diri," tegasnya.

Kehidupan sebagai seorang pesara bukanlah mudah bagi orang yang sentiasa sibuk, tetapi selepas keadaan mula tenang Sabbaruddin menyusun semula kehidupan hariannya termasuk mengganti sumber pendapatan lumayan sebagai menteri yang terputus.

Selain ditawarkan menjadi pengerusi atau ahli lembaga pengarah syarikat, Sabbaruddin tanpa sebarang pengalaman dalam bidang perniagaan mula mengorak langkah untuk menyertai bidang itu.

Dan ternyata nasibnya baik, usaha yang bermula di sebuah pejabat kecil di Bukit Damansara, perniagaannya kini mula membuah hasil.

"Saya bukan ahli perniagaan, sejak dari dulu saya adalah pegawai kerajaan. Ketika menjadi menteripun saya masih pegawai kerajaan. Tidak ada pengalaman langsung di dalam bidang perniagaan, jadi saya terpaksa belajar dari asas," katanya.

Sebenarnya, Sabbaruddin terpaksa mencari sumber pendapatan lebih baik kerana perlu membiayai pelajaran lima anaknya, yang terpaksa bergilir-gilir ke luar negara.

"Ketika jadi menteri dulu, saya masih tidak mampu membiayai pelajaran mereka serentak kerana hidup bergantung kepada gaji bulanan.

"Selepas berhenti, keadaan agak semakin sukar. Ketika yang bongsu hendak pergi, dia terpaksa menunggu kakak sulung kembali ke tanah air baru dia boleh melanjutkan pelajaran ke luar negara kerana semua mereka (kecuali seorang) adalah atas biasiswa papa dan mama," katanya.

Kehidupannya lebih bermakna apabila pemindahan buah pinggang yang dilakukan di China pada Disember, 1999, berjaya melepaskan beliau daripada belunggu mesin dialisis. Beliau juga kini semakin sihat dan memelihara kesihatannya dengan senaman yang berterusan.

Menyentuh mengenai prestasi masa lalunya, Sabbaruddin berkata antara yang paling diingati ialah kejayaan membeli gula pasir pada harga rendah ketika menjadi pegawai tinggi di Kementerian Perdagangan pada 1970-an.

Selain itu, kejayaan meletak Malaysia di dalam peta dunia pelancongan ketika menjadi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan turut diabadikan dalam kenangan, walaupun tidak dapat lari daripada melahirkan sedikit kekecewaan terhadap beberapa perubahan nama bagi aktiviti pelancongan oleh penggantinya.

Dalam dunia politik pula, walaupun tidak lagi bergerak aktif, bekas Ketua Umno Bahagian Temerloh itu dipilih sebagai Pengerusi Tetap bahagian berkenaan dan masih mengikuti penuh minat perkembangan Umno.

"Saya masih menyertai semua program Umno, tetapi kecewa kerana masih ramai mengamalkan politik wang. Politik itu yang menyingkirkan saya daripada gelanggang pertandingan pada 1996.

"Saya memang antipolitik wang tapi kalau setakat seorang dua saja, gejala ini tidak boleh ditangani," katanya.

Bagaimanapun, Sabaruddin semakin lega dan tenang sekarang. Beliau sudah boleh tersenyum malahan kadangkala mengkritik apabila melihat rakan-rakan di dalam kabinet di kaca televisyen atau membaca pendapat mereka di media cetak.

"Tak payah lagi pakai tie (tali leher), tak ada lagi protokol. Sesiapa saja boleh datang ke pejabat kecil saya ini," katanya.

Apa nasihat beliau pada rakan-rakan yang masih di dalam kabinet? "Memang ramai yang tidak bersedia (untuk kehilangan jawatan dan kuasa). Saya sendiri tidak bersedia (dulu). Memang tidak ada cara untuk menyediakan diri.

"Jadi bagi saya, kita tidak perlu mempersoalkan mengapa kita diberhentikan atau diminta meletak jawatan, kerana bila tiba masanya semua orang terpaksa meninggalkan jawatan dan kuasa masing-masing.

"Kita kena tengok pada senario lebih besar. Satu orang tidak akan membawa banyak perubahan. Bagi diri saya sendiri saya tidak kecil hati.

"Cuma satu perkara saja, apabila jadi orang besar anda ada kuasa tetapi apabila di sini kita tidak ada kuasa. Ramai yang terkilan kerana kehilangan kuasa, itu yang kadang-kadang menyebabkan kita rasa agak kecewa. Tetapi bagi saya sekali air bah, sekali pantai berubah," katanya.